

04 MAR 2001

MAJLIS BELIA HINDU UCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Majlis Belia Hindu Malaysia (MHYC) hari ini mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan kerana meluluskan peruntukan RM13.9 juta bagi pembinaan 13 buah sekolah jenis kebangsaan Tamil.

Presiden MHYC R.P Velayutham juga mengucapkan tahniah kepada Presiden MIC dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu kerana mendapatkan peruntukan itu, yang diumumkan semalam.

"Ini menunjukkan bahawa kita mempunyai dasar pendidikan yang liberal dan ia juga akan menghentikan spekulasi bahawa sekolah-sekolah Tamil akan ditutup satu hari nanti," katanya dalam satu kenyataan.

Velayutham, yang merupakan seorang guru besar sekolah Tamil, turut merayu kepada kerajaan supaya menukarkan semua sekolah Tamil menjadi sekolah bantuan penuh kerajaan.

Katanya penutupan beberapa buah ladang telah menyebabkan pembangunan sekolah-sekolah Tamil terjejas teruk.

--BERNAMA

ES ES RHM